UUM / DD 09 / BH / 25-09-2005 / P: 8 (1)

UUM boleh bertaraf dunia

Matlamat dapat dilaksana jika universiti berkenaan tambah pelajar luar negara

BH 25/9/05 8:1

Oleh Munaarfah Abu Bakar

SINTOK: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah, matlamat menjadikan Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai universiti bertaraf dunia boleh dicapai jika mempunyai jaringan dengan pelbagai institusi pendidikan tersohor di luar negara.

Baginda yang juga Canselor UUM bertitah, matlamat dapat dilaksana jika UUM berusaha menambah lebih ramai pelajar luar negara, selain menjadi pusat rujukan ilmu peringkat antarabangsa.

"Usaha perlu digiatkan bagi menarik lebih ramai penuntut Asia Barat dan beta cadangkan universiti ini mengenal pasti pemasaran bersesuaian bagi menarik pelajar ke kampus Sintok yang permai ini," titahnya pada Konvokesyen ke-18 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, di sini semalam.

Konvokesyen bermula semalam hingga 27 September ini, menyaksikan 6,192 graduan universiti menerima ijazah masing-masing.

Daripada jumlah berkenaan, dua penerima Ijazah Kehormat, 15 Ijazah Doktor Falsafah, 569 Ijazah Sarjana dan 5,608 Ijazah Sarjana Muda.

Konvokesyen kali ini menyaksikan 71 graduan luar negara, iaitu 43 pelajar Thailand, 16 Indonesia, lima pelajar Kemboja, empat pelajar Libya dan masing-masing seorang dari Yaman, Jordan dan Korea menerima ijazah.

Konvokesyen juga mencatatkan sejarah apabila melahirkan graduan paling ramai sejak UUM ditubuhkan.

Sultan Abdul Halim turut mencadangkan UUM menawarkan program pengajian baru yang sejajar dengan perkembangan negara dan ekonomi antarabangsa.

Baginda mencadangkan tumpuan kepada pengajian bidang tujahan, seperti Pengurusan Pertanian, Pengurusan Kesihatan serta Pengurusan Hospital kerana berpotensi besar dalam prospek kerjaya.

Baginda juga menasihatkan graduan mencari pekerjaan halal, memiliki nilai integriti tinggi serta bercita-cita besar sepanjang masa.

Selain itu, graduan dinasihat sentiasa mengimbangi ilmu dunia dan tuntutan ilmu agama bagi mewujudkan peribadi insan unggul.

Sementara itu, Datin Aishah Ibrahim menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Pembangunan) bagi pihak suaminya, Allahyarham Brif Jen Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri, Naib Canselor UUM kelima yang meninggal dunia Mei lalu.

> *"Usaha perlu digiatkan bagi menarik lebih ramai penuntut Asia Barat dan beta cadangkan universiti ini mengenal pasti pemasaran bersesuaian bagi menarik pelajar ke kampus Sintok yang permai ini"*
>
> **Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah**
> *Canselor UUM*

Penganugerahan diberikan kerana mengenang jasa serta pengorbanan Ahmad Fawzi dengan UUM sepanjang tempoh perkhidmatannya dari 1984 sehingga dilantik Naib Canselor pada 31 Mei 2001.

Allahyarham turut mencipta sejarah sebagai ahli akademik pertama dari UUM dilantik ke jawatan itu meninggal dunia pada 23 Mei lalu di Hospital Selayang kerana komplikasi jantung.

Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Muhammad Uthman El-Muhammady dipilih menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial).

Beliau dipilih kerana sumbangannya dalam mengetengahkan aspek Islam dari segi akidah, kerohanian, akhlak, budaya dan falsafah, selain bergiat dalam penulisan karya asli dan terjemahan buku bahasa Arab dan Inggeris ke bahasa Melayu.